

Isabella gembirakan mangsa banjir



HASNI Mohammad (kiri) bersama-sama Amy Search (tengah) menyantuni mangsa banjir ketika meninjau keadaan di dua PPS di Pagoh, Muar di Johor.

MUAR: Kehadiran penyanyi rock tersohor negara, Amy Search yang melawat dua buah pusat pemindahan sementara (PPS) di Pagoh, di sini nyata mencuri tumpuan mangsa banjir yang ditempatkan di situ.

Amy Search atau nama sebenarnya, Suhaimi Abdul Rahman, 64, hadir bersama-sama Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad bagi menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di PPS tersebut.

“Lawatan saya bertujuan menyantuni mangsa banjir selain memberi sokongan moral kepada mereka dalam menempuhi musibah ini. Pada masa sama, saya turut menyampaikan produk kopi milik saya iaitu Kopi Phewiiit kepada mangsa banjir yang ditempatkan di PPS ini,” katanya.

Dalam lawatan itu, Menteri Besar turut menyampaikan Bantuan Wang Ihsan sebanyak

RM1,500 daripada kerajaan Persekutuan dan negeri kepada ketua isi rumah terlibat.

Selain menyampaikan sumbangan produk kopinya, Amy Search turut berkesempatan mendendangkan lagu Isabella sebagai memenuhi permintaan seorang peminatnya di PPS itu.

Amy Search berkata, sebelum ini beliau telah ke beberapa PPS di Dengkil dan Shah Alam bagi melihat sendiri keadaan mangsa banjir.

“Saya berharap agar semua mangsa banjir diberikan kesabaran dan kekuatan dalam menempuh dugaan yang melanda mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Hasni berkata, kerajaan negeri akan memperkenalkan pelbagai bantuan pasca banjir bagi meringankan bebanan semua mangsa bencana alam berkenaan di negeri ini dan usaha sedang dirangka pihaknya.